

**Speaker DUN Perak diminta kerjasama dengan media
Malaysiakini.com
August 09, 2010**

Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) hari ini menggesa Speaker Dewan Undangan Negeri Perak Datuk R Ganesan supaya meningkatkan kerjasama dengan pihak media di samping memindahkan sebarang halangan yang boleh mengganggu tugas mereka.

Setiausaha Agungnya V Anbalagan berkata Ganeson sepatutnya mengembalikan amalan sebelum ini yang menempatkan petugas media di ruang khas yang disediakan di dalam dewan persidangan, semasa membuat liputan persidangan Dewan Undangan Negeri.

Katanya NUJ merasa kesal apabila para wartawan yang membuat liputan persidangan Dewan Undangan Negeri Perak baru-baru ini masih ditempatkan di ruang kaca khas di galeri awam.

"Di kedudukan itu mereka tidak dapat mengikut perbincangan apabila suis mikrofon dimatikan semasa wakil rakyat dari pihak kerajaan dan pembangkang bertikam lidah dalam persidangan Selasa lepas," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Anbalagan berkata media seharusnya dibenarkan melaksanakan fungsi demokratiknya untuk mengikuti persidangan dan melaporkan dengan tepat kepada rakyat Perak mengenai isu-isu yang membabitkan mereka.

Katanya beliau dimaklumkan bahawa hanya media rasmi dibenarkan untuk membuat rakaman suara dan mengambil gambar di dewan persidangan manakala petugas media yang lainnya dibenarkan untuk berada di ruang khas yang disediakan.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/139594>